KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

KENYATAAN MEDIA

MAJLIS SERAH TUGAS MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) hari ini mengadakan Majlis Serah Tugas Menteri Pembangunan Luar Bandar dengan menyaksikan YB Datuk Dr. Abd. Latiff Ahmad menandatangani dan menyempurnakan penyerahan Nota Serah Tugas beliau kepada YB Dato' Sri Mahdzir Khalid, Menteri Pembangunan Luar Bandar yang baharu berkuatkuasa 30 Ogos 2021 lalu. Majlis ini merupakan simbolik penyerahan dalam kesinambungan tugas membangunkan luar bandar kepada kepimpinan yang baharu.

Untuk rekod, sepanjang tempoh pentadbiran terdahulu Pelan Memacu Pembangunan Luar Bandar KPLB Pasca PKP telah dilancarkan pada tahun 2020; dan diikuti Pelan Strategik KPLB 2021-2025 pada tahun 2021. Keduadua pelan ini merupakan hala tuju dan sasaran yang telah ditetapkan dalam mengekalkan kesejahteraan hidup masyarakat luar bandar terutamanya semasa mendepani impak pandemik COVID-19.

Terkini, inisiatif KPLB yang dilaksanakan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan melibatkan lebih 833,197 penerima manfaat masyarakat di luar bandar termasuk Orang Asli. KPLB akan terus memastikan kesejahteraan rakyat khususnya di luar bandar dengan memfokuskan kepada agenda pendigitalan ekonomi luar bandar seiring dengan Pelan Pemulihan Negara.

Program vaksinasi luar bandar di bawah Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan akan terus ditingkatkan bagi mencapai komuniti kelompok menjelang Oktober 2021.

Pembangunan luar bandar yg sejahtera, inklusif, mampan dan holistik akan diberi keutamaan selari dengan aspirasi Keluarga Malaysia

Hadir bersama di majlis ini adalah Timbalan Menteri I YB Dato' Sri Abdul Rahman Mohamad, Timbalan Menteri II YB Datuk Haji Hasbi Habibollah, Ketua Setiausaha YBhg. Dato' Dr. Ahmad Jailani Muhamed Yunus serta Pengurusan Tertinggi KPLB.

-TAMAT-

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR
1 SEPTEMBER 2021